

11/05/2003

Perjuangan 10 tahun PM ditayang pada perhimpunan

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkesempatan mengimbau semula perjuangan masa lampaunya dalam Umno dan kerajaan apabila satu tayangan klip video selama 10 minit mengenai kerjaya beliau dipaparkan sempena Perhimpunan Agung MIC Ke-57 semalam.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, menyifatkan tayangan itu sebagai luahan terima kasih kepada Dr Mahathir yang sudah banyak berkorban kepada masyarakat India sepanjang perkhidmatannya dalam kerajaan selaku menteri Kabinet dan selepas itu sebagai Perdana Menteri.

"Video ini membuktikan bahawa MIC saja dapat menjadi wakil masyarakat India dalam kerajaan kerana MIC masih mempunyai hak bersuara walaupun pengundi India tidak membentuk majoriti di mana-mana kawasan Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN).

"Memandangkan ini adalah kali terakhir Dr Mahathir akan merasmikan Perhimpunan Agung MIC selaku Perdana Menteri, kami berpendapat tayangan video ini adalah cara terbaik kami menyampaikan ucapan terima kasih," katanya.

Tayangan yang mengimbas kembali zaman kanak-kanak Dr Mahathir di Kedah, pendidikannya di Singapura, perkahwinannya dengan Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan pembukaan pusat rawatannya, Klinik Maha, di Alor Setar ternyata membawa pelbagai nostalgia kepada beliau.

Majlis perasmian perhimpunan agung kali ini juga disiarkan secara langsung menerusi RTM buat julung kali manakala TV3 menyiarkan buletin berita semasa sepanjang persidangan.